

**PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN kali ke-30**  
**(Karya Hujjatul Islam Imam Al-Ghazali)**  
**Kuliah Maghrib kali ke-114**  
**Surau An-Nur, Kampung Sungai Nyior, Trong**

Adapun **ASY-SYATAH**, maka yang kami maksudkan ialah dua jenis perkataan yang diadakan oleh sebahagian kaum sufi.

**YANG PERTAMA** ialah doa-doa yang panjang yang berbentuk tentang keasyikan bersama Allah Ta'ala, dan hubungan yang tidak memerlukan amal zahiriyyah. Hinggakan golongan itu berkesudahan kepada mendakwakan **al-ittihad**, terangkat hijab, penyaksian dengan melihat Tuhan dan bercakap-cakap dengan pembicaraan. Lalu mereka mengatakan : *"Dikatakan kepada kami begitu, dan kami mengatakan begitu."*

Mereka menyerupakan hal yang demikian itu dengan Husain bin Mansur Al-Hallaj yang dihukum gantung, lantaran diucapkannya kata-kata yang sejenis dengan itu. Dan mereka membuktikan yang demikian dengan ucapan Al-Hallaj : *"Ana **Al-Haqq**"*.

Dan dengan apa yang diceritakan daripada Abu Yazid Al-Bustami, bahawa Abu Yazid mengatakan : *"Subhani, Subhani."* (Maha Suci Aku).

Ini adalah semacam jenis perkataan yang amat besar bahayanya kepada orang awam. Hinggakan segolongan dari kaum tani meninggalkan pertaniannya dan melahirkan dakwaan seperti itu. Sesungguhnya perkataan itu dirasakan enak oleh tabiat manusia, kerana padanya membatalkan amal, serta mensucikan diri dengan memperoleh maqam-maqam tinggi dan hal ehwal yang baik. Maka orang-orang bodoh tidak lemah (tidak jemu<sup>2</sup>) daripada mendakwakan yang demikian bagi diri mereka, dan daripada menerima kata-kata yang tidak ketentuan yang penuh dengan hiasan kata-kata.

Maka hal yang tersebut dan yang seumpama itu, daripada yang berterbangan kejahatannya dalam negeri dan besar melaratnya pada orang awam, sehingga orang yang menuturkan dengan sedikit daripadanya, maka membunuhnya adalah lebih baik pada agama Allah daripada menghidupkan sepuluh daripadanya.

Mengenai Abu Yazid Al-Bustami, tidak benarlah apa yang diceritakan tentang dirinya. Sekiranya benar ucapan itu pernah terdengar daripadanya, maka adalah ia menceritakan daripada Allah 'Azza wa Jalla tentang perkataan yang diulang-ulangi-Nya buat diriNya. Seumpama apabila terdengar ia mengatakan : **“Sesungguhnya Aku ini Allah. Tidak ada ilah selain Aku. Maka sembahlah Aku.”** (Taha : 14). Maka perkara itu hendaklah difahamkan, tidak lain daripada firman Allah Ta'ala.

**YANG KEDUA**, dimaksudkan dengan perkataan syatah itu kata-kata yang tidak difahami, tampaknya menarik, dengan susunan yang mengkagumkan. Sedangkan di sebalik itu, tidak ada faedahnya sama sekali.

Tidak dapat difahami itu adakalanya oleh yang mengucapkannya sendiri, kerana timbulnya daripada gangguan fikiran dan kekacauan khayalan, disebabkan kurang mendalami maksud kata-kata yang menarik perhatiannya itu. Dan inilah yang terbanyak.

Dan adakalanya dapat difaham tetapi tidak sanggup memahaminya dan mendatangkannya dengan kata-kata yang menunjukkan isi hatinya. Kerana kurang pengetahuan dan tidak mempelajari cara melahirkan sesuatu maksud dengan susunan kata yang menarik.

Perkataan yang seperti ini pun tidak ada faedahnya selain mencaubilaukan jiwa, mengganggu fikiran dan membawa keraguan hati.

Ataupun difahaminya menurut maksud yang sebenarnya tetapi pemahaman itu didorong oleh hawa nafsu dan kepentingan sendiri.

**“Berbicaralah kepada orang ramai dengan kata-kata yang dapat difahaminya dan tinggalkanlah persoalan yang ditentang mereka. Adakah kamu bermaksud berdusta Allah dan Rasul-Nya?”** (Bukhari)

Ini tentang yang dapat difahami oleh yang mengucapkannya sendiri, tetapi tidak sampai dapat difahami oleh otak yang mendengarnya. Maka betapa pula yang tidak difahami oleh yang mengucapkannya sendiri?

Jika difahami oleh yang mengucapkannya tetapi tidak oleh yang mendengarnya, maka tidak boleh diucapkan.

*Kata Nabi Isa a.s : “Janganlah engkau letakkan ilmu hikmah pada yang bukan ahlinya, maka kamu berbuat aniaya kepada ilmu hikmah itu. Dan janganlah kamu larang pada ahlinya, maka kamu berbuat aniaya kepada ahlinya itu. Hendaklah kamu seperti seorang tabib yang penuh kasih sayang, yang meletakkan ubat pada tempat penyakit.”*

*Menurut susunan yang lain : “Barangsiapa meletakkan ilmu hikmah pada yang bukan ahlinya, maka dia itu bodoh. Dan barangsiapa melarang pada ahlinya, maka dia itu melakukan penganiayaan. Ilmu hikmah itu mempunyai hak dan ahlinya. Dan berilah kepada semua yang berhak akan haknya.”*

## **BICARA DAN KATA-KATA RASULULLAH SAW**

Adalah Nabi saw manusia yang paling fasih tutur katanya dan yang paling enak bunyi perkataannya. Baginda bersabda : **“Aku orang Arab yang terfasih.”** (Thabrani, dengan sanad dhaif).

Sesungguhnya penduduk syurga berbicara di dalam syurga dengan lughah Muhammad saw. (dari hadith Al-Hakim, disahihkannya).

Adalah dia sedikit berkata-kata, mudah perkataannya. Apabila dia berkata-kata, tidak berkata-kata yang tidak perlu.

Adalah Nabi saw keras suaranya. Manusia yang terbaik bunyi suaranya. Dia lama diam, tidak berkata-kata pada yang tidak diperlukan.

Rasulullah saw ialah manusia yang terbanyak senyum dan ketawa di hadapan para sahabatnya.

Kadang-kadang dia ketawa sehingga tampaklah gigi gerahamnya. Dan adalah ketawa para sahabatnya di sisinya itu tersenyum, kerana mengikuti dan memuliakannya.

## **ADAB MAKAN RASULULLAH SAW**

Adalah Rasulullah memakan apa yang diperolehinya.

Banyak kali apabila Rasulullah saw duduk makan, dia merapatkan antara kedua-dua lututnya dan antara kedua-dua tapak kakinya, sebagaimana duduk orang yang mengerjakan solat.

Dia tidak memakan makanan yang masih panas dan dia bersabda :  
***“Makanan yang masih panas itu tidak mempunyai barakah. Sesungguhnya Allah tidak menganugerahkan api untuk makanan kita. Maka dinginkanlah makanan itu.”*** (Baihaqi, sanad sahih)

Dia memakan dengan tiga anak jarinya. Kadang-kadang dia menambahkan dengan jari ke empat.

Apabila memakan daging, dia tidak menundukkan kepalanya kepada daging itu. Dan dia mengangkat daging itu ke mulutnya, kemudian menggigitnya.

Dan yang dia sukai daripada kambing ialah daging lengan dan daging bahunya. Dan dari sayur ialah buah labu. Dan dari lauk-pauk ialah cuka. Dan dari tamar ialah kurma Madinah (al-'ajwah).

Dia tidak menyukai daging dua buah pinggang kerana daging ini tempatnya dekat dengan kencing. Dan dia tidak memakan daripada kambing 7 perkara :

1. Zakar
2. Buah zakar
3. Tempat air kencing
4. Hempedu
5. Ghudad (daging bulat-bulat yang terjadi akibat penyakit antara kulit dan daging).
6. Aat kelamin betina
7. Darah.

Dia tidak memakan bawang putih, bawang merah dan daun bawang.

Dia tidak pernah sekali-kali mencela makanan. Kalau menakjubkannya, dia makan. Dan kalau tidak menyukainya, dia tinggalkan.

Dia tidak menyukai dhab dan hempedu, dan dia tidak mengharamkan kedua-duanya.

Adalah Nabi mengambil sisa makanan di piring dengan jarinya.

Dia menjilat anak jarinya dari sisa makanan itu, sehingga anak jarinya merah.

Dan dia tidak bernafas dalam bejana tempat minum, tetapi dia berpaling daripadanya.

Adalah Nabi saw di dalam rumahnya lebih malu daripada sahaya perempuan. Dia tidak meminta dari mereka itu (keluarganya) makanan, dan tidak menyatakan keinginannya kepada mereka. Jika mereka memberikan makanan kepadanya, dia makan. Dan apa yang diberikan mereka, dia terima. Dan minuman yang diberikan mereka, dia minum. Kadang-kadang dia bangun mengambil sendiri apa yang akan dimakannya atau yang akan diminumnya.

### **MAKLUMAN**

Ingin mendengar/menonton kuliah-kuliah syarah kitab Ihya' 'Ulumiddin yang lepas-lepas?

Semua siri kuliah kitab Ihya' 'Ulumiddin di surau ini boleh didengar semula di internet di:

1. Youtube (taipkan "syarah ihya").
2. Laman <http://syarahihya.blogspot.com/>
3. Laman AlMuttaqinTv bawah Yayasan Islam Kedah.

Sehingga kini kita sudah ada **191 fail** kuliah Syarah Ihya' 'Ulumiddin di internet (di Youtube). Setiap satunya sepanjang lebih kurang 8 minit. Terdapat 99 fail audio dan 92 fail video. Selamat mengambil manfaat.

## AL-HALLAJ

- Namanya Husain bin Mansur Al-Hallaj.
- Lahir di tenggara Iran pada 866 Masihi.
- Keturunan Parsi.
- Datuknya beragama Majusi. Bapanya memeluk agama Islam.
- Pernah berguru dengan tokoh-tokoh sufi :
  - Sahl At-Tustari
  - Amru Al-Makki
  - Junaid al-Baghdadi (guru Amru Al-Makki)
- Kemudiannya pernah bersahabat dengan tokoh2 sufi seperti :
  - Abu Al-Husain An-Nuri
  - Asy-Syibli
- Pertentangan pendapat antara Hallaj dengan para sufi terutamanya Amru Al-Makki menyebabkan Hallaj pernah meninggalkan dunia sufi beberapa tahun dan jadi orang biasa.
- Hallaj mengembara ke India dan Turkistan selama 6 tahun.
- Apabila pulang, dia mula sebarkan ilmu2 mistik dan bertelagah dengan para sufi.
- 913 Masihi – Hallaj mula mengucapkan “An Al-Haqq” (Akulah Kebenaran... Akulah Tuhan).
- Hallaj diawasi selama 5 tahun. Kemudiannya dia ditangkap dan dipenjarakan selama 9 tahun.
- Akhirnya pemerintah menjatuhkan hukuman mati atas sebab-sebab yang tidak pasti.
- Dia disiksa, digantung, tangan an kakinya dipotong, sehari kemudian kepalanya dipenggal. Tubuhnya dibakar dan abunya dicampakkan ke sungai.
- Pendirian para sufi dalam kes Hallaj :
  - Para sufi pada zamannya rata-rata menolak perjuangan Hallaj.
  - Para sufi selepas daripada zamannya banyak juga yang menyokong perjuangannya.
  - Sebahagian sufi lagi tidak memberikan apa-apa komen.

- Sebahagian sufi lagi mengatakan kedua-dua pihak benar.
- Pendirian Imam Al-Ghazali pula? Imam kita hanya bercerita tetapi tidak menunjukkan sokongan ataupun bantahan. Namun Al-Ghazali memilih ajaran para sufi terdahulu berbanding ajaran Al-Hallaj.
- Buktinya dalam Al-Munqiz, Al-Ghazali mengakui terpengaruh dengan ajaran Abu Talib Al-Makki, Junaid al-Baghdadi, Asy-Syibli, Abu Yazid Al-Bustami dan lain-lain.

## **SYEIKH SITI JENAR**

- Hidup pada zaman Wali Songo (Wai Sembilan) di Tanah Jawa.
- Dikenai juga sebagai Syeikh Lemah Abang.
- Ajaran dan pegangannya yang kontroversi ialah “Manunggaling Kawula Gusti”.
- Cerita tentangnya kurang jelas, jadi kita ambil yang jelas sahaja.
- Pernah berguru dengan Wai Songo khususnya Sunan Giri, tetapi tidak menjadi murid pilihan kerana Sunan Giri melihatnya belum layak, dan dia pula berminat dengan ilmu2 mistik.
- Dikira menentang pemerintah kerana enggan menghadap ke Giri dan Demak.
- Terpaksa menghadap Sunan Giri kerana tewas berbahas dengan orang Sunan Giri.
- Diberi tempoh setahun untuk membetulkan diri dengan dipantau oleh Sunan Kalijogo.
- Dipanggil ke Demak, tak datang.
- Raden Patah hantar Panglima Perang Demak Bintoro iaitu Sunan Kudus dan 700 tentera.
- SSJ ditangkap dan dihadapkan ke Mahkamah Para Wali.
- Hakim = Sunan Kalijogo & Sunan Gunung Jati.
- Pendakwa Raya = Sunan Kudus & Sunan Giri.
- Sunan Gunung Jati jatuhkan hukuman mati. Sunan Kudus laksanakan hukuman.
- Kes bangkai kuda hitam.